

PANDUAN PERMOHONAN PEMASANGAN SEPANDUK

(GUIDELINE FOR APPLICATION FOR INSTALLING BANNER)

SYARAT PERMOHONAN

(CONDITIONS FOR APPLICATION)

1. Mengisi dengan lengkap dua (2) salinan borang permohonan.
2. Penggunaan Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia pada visual iklan mestilah diutamakan dan mestilah terlebih dahulu mendapat pengesahan daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Walau bagaimanapun, penterjemahan ke bahasa lain adalah dibenarkan tetapi saiz perkataan yang digunakan mestilah lebih kecil daripada saiz perkataan Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia).
3. Perkataan pada sepanduk mestilah pendek dan ringkas.
4. Kebenaran daripada pemilik bangunan/struktur/tempat di mana sepanduk tersebut dipasang mestilah diperolehi terlebih dahulu.
5. Bayaran lesen dikenakan bergantung kepada butir-butir berikut, iaitu:-
 - 5.1 Ukuran sepanduk
 - 5.2 Tempoh pemasangan; dan
 - 5.3 Jumlah atau bilangan sepanduk.
6. Bayaran cagaran (deposit) dikenakan sebanyak RM25.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima) untuk satu helai sepanduk dan wang cagaran ini dikembalikan setelah pemohon membuka sepanduk berkenaan apabila sudah tamat tempoh.
7. Nombor permit mestilah ditulis pada sepanduk tersebut.
8. Sepanduk yang dipasang dengan tidak sempurna atau tidak elok apabila dipandang atau warnanya telah pudar akan dibuka oleh pihak Majlis dan wang cagaran (deposit) tidak akan dikembalikan; dan
9. Sepanduk mestilah dibuka satu (1) hari selepas tarikh tamat tempoh yang diluluskan. Wang cagaran (deposit) tidak akan dikembalikan sekiranya pihak Majlis yang membuka sepanduk tersebut.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Pengiklanan, Bahagian Penilaian
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu**

Tel No: 088-239500 Sambungan 662